

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 17 TAHUN 1976

DASAR PEMBAHAGIAN / PEMBERIAN SEWA TANAH-TANAH PASIR DI TEPI SUNGAI ATAU TANAH-TANAH TUMBUH

Telah menjadi amalan Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Kelantan satu masa dahulu bahawa tanah-tanah pasir di tepi sungai atau sungai atau tanah-tanah tumbuh diberi sewa TOL dengan cara lelong. Cara ini ada baik dan ada buruknya. Di antara kebaikannya adalah seperti berikut:-

- a) Kerajaan beroleh hasil yang banyak kerana penangkap lelong itu akan berlawan sesama sendiri sehinggakan bayaran TOL itu meningkat naik beberapa kaliganda daripada bayaran biasa (umpamanya kadar biasa hanya \$10.00 bagi satu lot tetapi jika dengan lelong mungkin sewaan itu meningkat kepada \$100.00 atau \$150.00)
- b) Kesulitan-kesulitan dari segi pentadbiran terbit daripada soal pilih kasih atau pilihan berdasarkan parti politik, tidak timbul kerana siapa ada wang dan berani menawar harga yang tinggi dia dapat.
- c) Bayaran sewa TOL dapat dipungut oleh Pejabat-Pejabat Tanah dengan serta-merta dan soal kelewatan membayar TOL tidak timbul.

2. Di antara perkara-perkara yang tidak baik yang mungkin timbul dari sewa TOL yang diberi dengan lelong itu pula ialah:-

- a) orang yang benar-benar miskin dan perlukan pertolongan mungkin tidak dapat menyewa tanah itu dengan secara langsung kerana orang yang berada juga yang dapat menangkap lelong itu.
- b) ada kemungkinan besar golongan orang yang telah ada tanah atau orang kaya ataupun golongan-golongan bukan petani akan dapat menyewa tanah itu.
- c) Petani-petani tulin pula mungkin terpaksa menyewa tanah-tanah itu dari orang yang berjaya menangkap lelong itu dengan bayaran yang tinggi (yang mana sewaanannya itu dibayar kemudian selepas mendapat hasil dari tanah beberapa bulan kemudian)

3. MMK yang bersidang pada 25.11.1976 selepas menimbang Kertas Bil 21/951/76(30) telah membuat keputusan bersetuju supaya cara yang di bawah ini diikuti sebagai dasar yang kena dipakai diseluruh Pejabat Tanah dalam Negeri Kelantan ini mulai dari tahun 1977.

- a) Sebelum sesuatu kawasan tanah pasir atau tanah-tanah tumbuh itu diberi sewa TOL Ketua Jajahan selaku PHT hendaklah menyukat dan menyediakan pelan yang menunjukkan kedudukan lot-lot tanah tumbuh yang hendak diberi masa TOL itu. Tanah itu hendaklah disukat dan dipecah-pecahkan menjadi lot-lot kecil atas kadar lebih kurang 250 depa bagi tiap-tiap satu lot. Simpanan-simpanan jalan hendaklah diadakan untuk menyenangkan pihak pemegang TOL lalulintas.

- b) Orang ramai hendaklah diberitahu dengan jalan dikeluarkan notis tentang adanya hasrat sesuatu Pejabat Tanah untuk memberi sewa TOL sesuatu tanah tumbuh yang berkenaan itu.
- c) Pemohon dibenarkan membuat permohonan dengan menggunakan boring bagaimana contohnya dalam Lampiran 'A' yang berkembar dengan tidak payah menentukan sesuatu lot yang ia berkehendakkan.
- d) Permohonan-permohonan itu hendaklah disemak dan diteliti oleh satu Jawatankuasa Pemilihan di peringkat jajahan yang terdiri dari mereka-mereka yang berikut: _

- | | | | |
|------|---------------------------------|---|---------------------|
| i) | Ketua Jajahan | - | Pengerusi |
| ii) | Dua Orang Wakil Rakyat Tempatan | - | J/Kuasa |
| iii) | Pen.Ketua Jajahan 1 | - | Setiausaha |
| iv) | Penggawa Daerah Yang Berkenaan | - | Yang Dijemput Hadir |

Keluasan tanah yang telah diluluskan oleh PBN/ Pegawai yang berkenaan
(1)

Perbezaan yang setinggi-tingginya yang disifatkan sebagai tidak 'substantial'
(2)

1	ekar (1000 depa) & ke bawah	50 depa:	5%
2	ekar (2000 depa) & ke bawah	100 depa:	5%
3	ekar (3000 depa) & ke bawah	150 depa:	5%
4	ekar (4000 depa) & ke bawah	200 depa:	5%
5	ekar (5000 depa) & ke bawah	250 depa:	5%
6	ekar (6000 depa) & ke bawah	300 depa:	5%
7	ekar (7000 depa) & ke bawah	350 depa:	5%
8	ekar (8000 depa) & ke bawah	400 depa:	5%
9	ekar (9000 depa) & ke bawah	450 depa:	5%
10	ekar (10000 depa) & ke bawah	500 depa:	5%

b) PBN memberi keluasan am (general approval) kepada mana-mana lot tanah yang didapati terlebih dari keluasan yang telah diluluskan dahulu, sama ada telah diluluskan di bawah Undang-undang Tanah Kelantan Tahun 1938 jika perbezaannya tidak melebihi keluasan sebagaimana yang dinyatakan di bawah ruangan 2 dalam perenggan 2(a) di atas.

3. Oleh kerana ada keputusan MMK bagaiman yang di atas maka jika ada didapati keluasan mana-mana tanah yang telah diluluskan yang mana kelebihan itu tidak melebihi daripada keluasan yang ditunjukkan di bawah ruangan 2 di perenggan 2 di atas maka tidaklah lagi perlu pihak Pengarah Ukur atau pihak PHT mengangkat perkara itu untuk apa-apa arahan atau kelulusan MMK tetapi tindakan memungut premium dan hasil di bawah Sek. 84(1) KTN perlulah dijalankan oleh PHT seperti biasa.

4. Dasar yang di atas hanya mengenai tanah-tanah yang diberi milik bagi maksud 'Pertanian' dan 'Perlombongan' sahaja yakni tidak termasuk tanah-tanah bangunan dan perusahaan.

t.t
(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan

KEPADA:

Semua Ketua-Ketua Jajahan dan
Penolong-Penolong Ketua Jajahan 1,
dalam Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

FAIL: PTG. (KN) 12676/(3)

KOTA BHARU: 30HB DISEMBER 1976